

01 FEB 1997

AirAsia

AIRASIA RANCANG PERKHIDMATAN KE TIGA NEGARA ASIA

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- AirAsia, syarikat penerbangan nasional kedua Malaysia, akan menyewa lebih banyak pesawat untuk mengembangkan perkhidmatannya ke China, India dan Indonesia tidak lama lagi, kata pengarahnya Datuk Tik Mustaffa hari ini.

Tik yang juga naib presiden Hicom Holdings Berhad, syarikat induk AirAsia, berkata bahawa Kementerian Pengangkutan telah memberi jaminan untuk memberikan jawapan terhadap permohonan AirAsia untuk mengadakan perkhidmatan ke negara terbabit tidak lama lagi.

AirAsia yang memiliki dua pesawat, kini mengadakan perkhidmatan ke Pattaya selain Taipei menerusi Kota Kinabalu. Pada musim perayaan ini, AirAsia juga menyediakan perkhidmatan sewa khas ke Kota Baharu dan Kota Kinabalu.

Tik berkata daripada segi jangka panjang, syarikat itu yang mempunyai modal berbayar sebanyak RM20 juta, merancang untuk mengadakan perkhidmatan ke destinasi di luar Asia seperti Eropah dan Asia Barat.

"AirAsia akan mendapatkan lebih banyak pesawat dengan menyewanya," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sebelum mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Langkawi dengan menaiki pesawat terbaru AirAsia, Boeing 737-300.

Pesawat itu ialah yang kedua digunakan oleh AirAsia yang mula beroperasi pada November tahun lepas. Ia disewa daripada GE Capital Aviation Services Ltd dari Amerika Syarikat dengan kadar AS\$320,000 (kira-kira RM800,000) sebulan.

Tik berkata AirAsia akan menyewa dua pesawat jenis Boeing 757 yang mempunyai 230 tempat duduk menjelang suku terakhir tahun ini.

Beliau berkata AirAsia mungkin juga akan mengadakan perkhidmatan dalam negeri jika ia menguntungkan.

"Kalau pasarannya memungkinkan, kita akan mengadakan penerbangan domestik," kata beliau.

Bagaimanapun, ia bergantung kepada kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan.

"Kalau kementerian memikirkan bahawa ada kemungkinan penerbangan lain, kita akan pertimbangkannya," kata beliau. -- BERNAMA

ES MZ MAI